

Ekspo APK wadah pelajar aplikasi teori keusahawanan

NET 9.11.13 II

AKTIVITI keusahawanan merupakan permungkinan kepada pertumbuhan ekonomi dan bina upaya terhadap masa depan negara. Justeru, golongan belia amat digalakkan untuk menceburi bidang berkenaan pada peringkat awal bagi menimba pengalaman dan ilmu yang secukupnya.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyedari peri pentingnya bidang tersebut sekali gus mewajibkan pelajar pada peringkat prasiswazah mengambil kursus Asas Pem-budayaan Keusahawanan (APK) yang bertujuan untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan siswa-siswi universiti.

Ia tidak terhad kepada pelajar jurusan Per-niagaan sahaja, malah turut melibatkan pelajar jurusan lain seperti bidang Sains dan Sastera bagi memenuhi keperluan syarat ijazah. Kursus tersebut menganjurkan Ekspo APK yang mem-beri peluang kepada para pelajar untuk men-jalankan perniagaan dengan menjual hasil keluaran mereka sendiri sebagai implementasi terhadap segala teori dalam asas keusahawanan yang dipelajari.

Bertemakan ‘Make It Happen’, Ekspo yang diadakan buat kali yang ke-9 ini bakal berlang-sung pada 18-22 November 2013, bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di perkaraangan perpustakaan UMS.

Menurut Pengarah Ekspo berkenaan, Doo Ching Howe, tema itu diambil ke arah meng-galakkan para pelajar untuk merealisasikan impian mereka dan tidak hanya sekadar an-gan-angan kosong.

Berikut dengan usaha pihak pengurusan untuk menjadikan UMS sebagai universiti dalam taman atau Eko-Kampus katanya, ekspo kali ini juga membawa inspirasi kepada para pelajar untuk menghayati dan menghargai alam sekitar dengan aktiviti-aktiviti seperti kitar semula dan penyediaan ‘mud ball’.

Tambah beliau, ekspo APK ke-9 kali ini juga agak menarik kerana dianjurkan oleh gabungan mahasiswa tahun 2 dalam pelbagai jurusan

kejuruteraan dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM).

“Walaupun penganjuran pada kali ini di-ambil alih oleh para pelajar yang bukan dari pada jurusan ekonomi, ia membuktikan bahawa siswa-siswi UMS mempunyai kemahiran serba boleh. Ekspo kali ini menjangkakan lebih 140 gerai yang akan dibuka melibatkan 1500 orang pelajar daripada jurusan Sains,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sehubungan itu, orang ramai turut dijemput hadir bagi memeriahkan lagi ekspo berkenaan. Antara yang diniagakan termasuklah barang kreatif hasil usahasama dan inovasi daripada mahasiswa UMS sendiri.